

[\(https://news.usm.my\)](https://news.usm.my)

Berita Mutakhir

▼

22
SEP

KERJASAMA USM-TUT KETENGAHKAN PENYELIDIKAN NEUROKOGNITIF



KUBANG KERIAN, 21 September 2016 - BRAINetwork Centre for Neurocognitive Science (BRAINetwork), Pusat Pengajian Sains Kesihatan, Universiti Sains Malaysia (USM) dan Toyohashi University of Technology (TUT), Jepun menjalankan kerjasama dengan menjalankan penyelidikan dalam bidang neurokognitif menerusi MOA yang dimeterai pada tahun 2013.



Menurut Profesor Dr. Zalina Ismail, projek yang dinamakan 'Global Summer School' (GSS) ini adalah penyelidikan dalam bidang kognitif berkaitan otak dan minda pelbagai peringkat umur serta melihat perbezaan antara masyarakat dan negara.



"Objektif program ini adalah untuk mendapatkan kesinambungan antara neurosains, kejuruteraan dan teknologi bertahap tinggi yang relevan kepada masyarakat tanpa mengubah tradisi kehidupan mereka," ujar beliau.

Kali ketiga dilaksanakan, GSS lebih memfokuskan kepada struktur dan fungsi otak berkaitan kekuatan minda, bagaimana manusia boleh menggerakkan sesuatu di skrin hanya dengan pemikiran, keseimbangan badan, memori serta ujian terhadap lapan bahagian otak berkaitan pembelajaran dan daya ingatan.

"Gabungan bidang perubatan USM dan kejuruteraan TUT merupakan sesuatu yang sangat bermanfaat kerana sebelum ini pasukan GSS telah memperkenalkan masyarakat orang asli kepada teknologi, pendidikan serta memberikan latihan kepada mereka untuk menggunakan segala kemudahan di samping pengurusan aspek kebersihan air," tambah Zalina.



Program kali ini berjalan selama dua minggu di tiga lokasi yang berlainan iaitu Sekolah Kebangsaan Zainab II, Sekolah Kebangsaan Gunung Semanggol dan perkampungan orang asli Pulau Banding.

Teks: Lailatul Hafiza Abdul Rashid / Foto: Mohd Hafiz Yaacob

G+

Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellery II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : pro@usm.my (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia](http://www.usm.my) (<http://www.usm.my>)

[Client Feedback / Comments](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) (<http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp>) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015